

DBKL roboh 9 struktur haram

Kuala Lumpur: Sembilan unit struktur yang dibina di atas rizab jalan awam secara haram di kawasan segi tiga emas Bukit Bintang, dirobohkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam operasi bersepadu, Khamis lalu.

Katanya, struktur perniagaan itu dibina di atas kawasan rizab jalan dan parking awam di sekitar Parlimen Bukit Bintang.

“Sembilan buah premis perniagaan yang membuat struktur tambahan sehingga menghalang lalu-lalu utama dikenakan tindakan roboh serta-merta di bawah Akta Jalan, Parit dan bangunan 1974.

“Kesemua sisa struktur yang dirobohkan dilupus-



OPERASI bersepadu DBKL di kawasan segi tiga emas Bukit Bintang.

kan oleh DBKL selepas tamat operasi yang dijalankan,” kata DBKL dalam satu kenyataan menerusi akaun Facebook, semalam.

Tambahnya, antara agensi yang terbabit sama dalam operasi itu anta-

ranya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam serta Alam Flora Sdn Bhd.